

09 OCT 1999

Mahathir-Mahkamah

UNDANG-UNDANG KHUSUS MENGHINA MAHKAMAH DIKAJI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, kerajaan akan mengkaji kemungkinan memperkenalkan undang-undang khusus mengenai penghinaan mahkamah.

Majlis Peguam sendiri telah mencadangkan perkara itu dan ia akan dikaji oleh kerajaan, katanya.

"Kita mahu mengkajinya sebab sementara kita memerlukan undang-undang mengenai penghinaan mahkamah, kita dapati sekarang ini terdapat penyalahgunaan undang-undang itu," katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Mesyuarat itu berlangsung selama lebih tiga jam.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, ada ahli politik yang mengambil kesempatan membuat kenyataan dalam mahkamah dan menggunakan undang-undang mengenai penghinaan mahkamah untuk melindungi diri mereka.

Perdana Menteri menegaskan bahawa komen yang diberikannya itu adalah bersifat umum dan tidak membabitkan kes bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sedang dibicarakan di mahkamah sekarang.

Sepanjang persidangan berita itu, Dr Mahathir juga beberapa kali menegaskan bahawa beliau tidak membuat komen tentang kes dalam mahkamah tetapi tentang beberapa kenyataan yang dibuat di luar mahkamah.

"Ini saya sebut secara umum sahaja, bukan dalam kes Datuk Seri Anwar, saya berkata secara umum kemungkinan seorang peguam yang juga ahli politik menggunakan mahkamah untuk membuat kenyataan-kenyataan politik tetapi dapat dilindungi oleh mahkamah," katanya.

Anwar yang sedang menjalani hukuman penjara enam tahun kerana kesalahan rasuah kini sedang dibicarakan atas tuduhan liwat.

Dr Mahathir menjangka perbicaraan Anwar akan dipanjangkan dengan pelbagai perkara dibangkitkan yang boleh menyebabkan perbicaraan tidak boleh ditamatkan kerana selagi perbicaraan itu berjalan "kita tak boleh sentuh langsung."

"Sementara kenyataan yang dibuat dalam mahkamah akan sampai kepada pengetahuan umum melalui laporan akhbar tetapi bila kita baca yang tu, kita tidak boleh nafi, kita tidak boleh tegur, kita tidak boleh kata apa-apa, kita mesti senyap tetapi dia dapat kelebihan politik daripada itu," katanya.

Dalam sistem perundangan negara ini, anggota politik yang menjadi peguam boleh berselindung dalam mahkamah dengan membuat kenyataan politik dan pihak lain tidak boleh tegur, katanya.

"Saya hormati sistem ini, dia boleh buat apa dia suka dalam mahkamah dan kenyataan ini akan dikeluarkan dalam akhbar dan kita tidak boleh tegur dan kita akan hormatinya," kata beliau.

Perdana Menteri bagaimanapun menegaskan bahawa kerajaan mempunyai hak menegur kenyataan yang dibuat di luar mahkamah.

-- BERNAMA

AFY PR